

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**MAJLIS SERAHAN WATIKAH PELANTIKAN  
PROFESOR ADJUNG ACIS DAN  
MALAM APRESIASI AL-QURAN**

**9 OKTOBER 2023**

**DEWAN MUKTAMAR 1, PUSAT ISLAM  
UiTM SHAH ALAM**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

\*salutasi (to be confirmed)\*

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam  
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam **Majlis Serahan Watikah Pelantikan Profesor Adjung ACIS dan Malam Apresiasi Al-Quran**. UiTM amat berbesar hati menerima kehadiran Yang Berbahagia Dato' Haji Rizalman Bin Haji Ibrahim pada malam ini. Terima kasih Yang Berbahagia Dato'.
2. Yang diraikan pada malam ini para huffaz Program Plus Tahfiz yang bakal menerima sijil Tahfiz UiTM dan sijil kecemerlangan huffaz. UiTM sangat bertuah mempunyai permata yang semoga kelak mampu menjadi aset yang membawa nama UiTM untuk manfaat agama, bangsa dan negara.
3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di atas

kejayaan mengelola program Plus Tahfiz UiTM melibatkan 34 kampus UiTM seluruh Malaysia.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

4. Berkuatkuasa 13 Ogos 2023, UiTM melalui ACIS telah melantik Yang Berbahagia Dato' Haji Rizalman Bin Haji Ibrahim sebagai Profesor Adjung ACIS. Lantikan ini sejajar dengan kepakaran dan pengalaman yang ada pada YBhg Dato' khusus dalam skop pengurusan industri fesyen halal patut syariah yang merupakan satu daripada 6 cabang industri halal terbesar di dunia.
  
5. UiTM juga berharap dengan lantikan ini, khidmat nasihat dan kepakaran YBhg Dato' dapat membantu UiTM memaksimakan manfaat daripada penubuhan Pusat Kajian al-Quran dan Hadith UiTM dan secara tidak langsung berkongsi pengalaman dan tadbir urus baik pengurusan Pusat Pengajian al-Quran Dar al Qari.

6. UiTM turut berbangga, kerana pada malam ini ACIS-UiTOM akan turut menandatangai memorandum persefahaman bersama Dar Al-Qari Resources. Semoga dengan terlaksananya MoU ini, ACIS UiTM dan Dar Al-Qari dapat meneroka ruang dan peluang untuk manfaat pelajar serta kolaborasi khas penyelidikan berteraskan al-Quran.

7. Saya difahamkan pada malam ini juga, kita akan menyaksikan pelancaran Pusat Kajian Quran dan Hadis ACIS UiTM yang bermatlamat menjalankan penyelidikan, rundingan dan perkhidmatan kepakaran dalam bidang Quran dan Hadis. Insya-Allah, penubuhan pusat kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada warga UiTM seluruhnya.

**Tuan -tuan dan puan-puan sekalian,**

8. Program Plus Tahfiz UiTM sehingga kini telah menghasilkan 473 graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian bersama nilai tambah sijil Plus Tahfiz UiTM. Malam Apresiasi al-Quran pada hari ini

akan menyaksikan tambahan 155 orang pelajar UiTM akan tamat Program Plus Tahfiz. Huffaz terbaik akan menerima sijil kecemerlangan hafazan dan akademik, manakala pentasmik akan turut menerima sijil penghargaan.

9. Sejajar dengan matlamat penubuhan program Plus Tahfiz UiTM untuk menghasilkan profesional Huffaz Al-Quran yang memberi manfaat kepada ummah di peringkat nasional dan antarabangsa, pada semester semasa UiTM mempunyai 380 orang huffaz yang berstatus aktif Program Plus Tahfiz. Daripada pecahan ini, 69 peratus merupakan pelajar diploma dan 31 peratus pelajar ijazah sarjana muda.

10. Jika diamati, seramai 44 peratus daripada huffaz Plus Tahfiz UiTM berada dalam gugusan pengajian Sains dan Teknologi dan selebihnya daripada gugusan sains sosial.

11. Semoga variasi ini akan melahirkan graduan huffaz profesional yang meliputi bidang yang menyeluruh. UiTM juga amat berbangga apabila 160 orang daripada huffaz Plus tahfiz mendapat anugerah dekan di dalam pencapaian akademik bagi semester pengajian semasa.
  
12. Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi Allah di atas segala berita gembira yang dikhabarkan pada malam ini. Sesungguhnya benarlah al-Quran itu cahaya yang akan menerangi jalan kehidupan insan. Al-Quran adalah kitab yang akan menyelamatkan manusia daripada kesesatan. Semoga kita sentiasa diberikan pedoman dan panduan kehidupan menuju ke jannatul Firdaus.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**